

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH**

**NO RUJUKAN : DR057**

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2015**

**SOALAN :**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan sama ada pihak Kementerian bersetuju atau tidak bahawa industri perlombongan bauksit telah mencemarkan udara, kualiti air sungai serta juga menjejaskan kualiti kehidupan orang awam di sekitar Kuantan. Sekiranya tidak, sila perelaskan mengapa.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pihak Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar sentiasa menjalankan pemantauan ke atas kualiti air dan udara di kawasan yang sensitif kepada kualiti kehidupan orang ramai di sekitar Kuantan. Tahap kualiti udara dan sir sungai tersebut sentiasa diukur secara berkala di lokasi yang tertentu dan secara *ad hoc* di lokasi yang terpilih.

NRE menyedari bahawa kualiti udara dan air di sungai tersebut adakalanya melepasi tahap piawaian yang boleh menjejaskan kualiti kehidupan orang ramai. Namun, langkah-langkah pencegahan pencemaran telah dan sedang diambil oleh pelbagai agensi yang terlibat termasuk oleh Kerajaan Negeri bagi menangani isu pencemaran di kawasan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 30 NOVEMBER 2015  
[ ISNIN ]  
DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL  
[ JELEBU ]

**SOALAN :-**

**Y.B. DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [ JELEBU ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rasional cadangan membangunkan bandar belia dan sejauh manakah projek untuk belia seperti ini yang menyediakan rumah mampu milik, peluang pekerjaan dan lain-lain untuk belia seperti ini praktikal.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kehidupan belia bandar dan luar bandar kian mencabar selaras dengan proses urbanisasi. Di bandar, isu yang dihadapi oleh golongan belia adalah kos sara hidup yang tinggi, pekerjaan berpendapatan rendah dan kesesakan jalan raya. Manakala, di luar bandar, cabarannya adalah kurangnya peluang pekerjaan, aktiviti sosial terhad dan kemudahan awam yang tidak mencukupi. Tumpuan pembangunan juga lebih diberi kepada bandar besar dan kawasan luar bandar dan potensi kawasan separa bandar sebagai pemandu kepada pembangunan ekonomi dan sosial kurang diberi perhatian.

Sehubungan itu, 1Malaysia Youth Cities (1MYC) diperkenalkan bertujuan untuk mentransformasikan sesebuah kawasan separa bandar sebagai bandar moden, dinamik dan inklusif yang mampu menarik minat belia bandar dan luar bandar untuk tinggal, bekerja dan beraktiviti. Keutamaan

diberi kepada kawasan separa bandar dengan memanfaatkan infrastruktur sedia ada di kawasan tersebut.

Pembangunan 1MYC dilihat mampu **mengurangkan kadar penghijrahan belia** dari luar bandar ke bandar besar. Selain itu, ia mampu **menarik lebih banyak pelabur dan pemaju** perumahan untuk membina rumah mampu milik untuk golongan belia dan **memberi peluang kepada golongan belia agar dapat meningkatkan taraf hidup.**

Sebagai contoh, bagi 1MYC Tanjong Malim, pembangunan sekitar termasuk Pusat Perindustrian di Behrang 2020 dan Proton City dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan bagi penduduk tempatan termasuk golongan belia.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2015

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]**

**TARIKH** : **30 NOVEMBER 2015 (ISNIN)**

**SOALAN** : **38**

Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah sebabnya Tan Sri Dr Chua Soi Lek tidak dilantik semula sebagai Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan siapa penggantinya dan status tender terbuka untuk membangunkan kawasan '*waterfront*' Swettenhem Pier dan membina semula Tanjung City Marina yang tenggelam ke dalam laut sungguhpun RM43 juta dibelanjakan.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Tempoh lantikan Tan Sri Dr Chua Soi Lek sebagai Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) telah tamat dan Kementerian Pengangkutan sedang menguruskan lantikan Pengerusi SPPP yang termasuk pertimbangan dan perkenan oleh Yang Dipertua Agong.

Berkenaan dengan status pembangunan kawasan *waterfront* Swettenham Pier dan kawasan Tanjung City Marina, SPPP telah melaksanakan tender *Request For Proposal* bagi membangunkan kawasan tersebut. Namun begitu, proses selanjutnya tidak dapat disempurnakan berikutan terdapatnya isu tanah di kawasan yang dimaksudkan. Walaupun hak milik tanah adalah dengan SPPP, akan tetapi ianya terdiri daripada beberapa lot di mana syarat-syarat nyata dan tempoh hak milik adalah berbeza. Dalam pada itu, SPPP harus menyelesaikan isu-isu tanah dengan kerajaan Negeri Pulau Pinang sebelum sebarang pembangunan dapat dilaksanakan.